

GEMPAK

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION

Keluarga Iskandar

Is Back!

Penantian Lebih 10 Tahun Tertunai





Ibarat Keluarga Kedua, Anita Baharom Teruja Kembali Ke Set 'Keluarga Iskandar'

Pelakon, Anita Baharom mengakui teruja apabila kembali ke set penggambaran drama popular Keluarga Iskandar untuk musim ketiga selepas kejayaan dua musim terdahulu.

Menurut Anita, penglibatannya dalam drama tersebut bukan sekadar sebuah lakonan, sebaliknya memberi pengalaman seolah-olah berada dalam sebuah keluarga sebenar.

"Alhamdulillah, sebenarnya saya memang sangat teruja nak berlakon dalam Keluarga Iskandar sebab bagi saya, ia bukan macam berlakon. Ia lebih kepada realiti sebuah keluarga," katanya.

Tambah Anita, suasana di set penggambaran membuatkan dirinya berasa amat selesa sehingga menganggap barisan pelakon dan kru sebagai keluarga keduanya.

"Saya seronok sebab rasa macam berada dalam keluarga saya sendiri, keluarga nombor dua. Jadi memang ada perbezaan dengan drama-drama lain. Saya sangat teruja dan alhamdulillah, saya seronok sangat serta sangat rapat dengan keluarga Keluarga Iskandar ini," ujarnya.

Mengulas mengenai musim terbaharu, Anita percaya Keluarga Iskandar musim ketiga bakal tampil lebih menarik dengan pembaharuan yang segar dan perkembangan karakter yang lebih matang.

Menurutnya, penonton juga pasti dapat melihat perbezaan ketara dari segi usia dan kematangan watak-watak dalam drama tersebut berbanding musim pertama.

"Insyallah musim ini lebih menarik. Ada satu pembaharuan yang baik dan penonton boleh lihat perubahan kami daripada muda-muda, anak-anak yang kecil dahulu, sekarang dah makin besar.

"Orang selalu tanya tentang Nia, Princess, Dardar, dulu macam ni, sekarang dah macam ni. Sampai kita sendiri rasa, eh tuanya kitaorang daripada dulu tengok," tambahnya.



Mualim Muda: Kemenangan Yang Manis, Pengorbanan Anas Jual Kereta, Berjauhan Dengan Keluarga Tidak Sia-Sia



Juara Mualim Muda, Anas meluahkan rasa syukur selepas dinobatkan sebagai juara sulung program tersebut. Menurut Anas, kemenangan itu sangat bermakna baginya selepas menjual kereta peribadi demi menyertai program Mualim Muda.

"Saya datang ke Mualim Muda ini dengan satu pengorbanan besar, iaitu saya menjual kereta saya. Ketika itu saya diuji dengan sedikit ujian kehidupan. Saya beritahu isteri, 'Tak mengapa, abang jual kereta dulu. Insyallah kalau ada rezeki dalam Mualim Muda, kita beli kereta baharu,'" katanya.

Kemenangan itu juga ingin didedikasikan kepada isteri serta ibunya sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan dan doa mereka sepanjang penyertaannya.

"Antara perkara pertama yang saya ingin berikan adalah kepada isteri dan ibu saya. Pengorbanan mereka sangat besar dan saya ingin mendapatkan keberkatan itu terlebih dahulu.

"Kemenangan ini sebenarnya datang daripada pengorbanan. Sejak minggu pertama, saya tidak dapat pulang berjumpa anak-anak, isteri dan terutamanya ibu saya. Biasanya, bila ibu saya tak sihat, saya akan balik menjenguknya.

"Tetapi disebabkan kekangan program dan jadual yang padat, kami hanya diberi cuti pada hari Ahad sahaja dan saya tidak dapat pulang," jelasnya.

Dalam pada itu, Anas juga menyifatkan kemenangannya dalam program realiti dakwah itu sebagai satu kemenangan bersama semua peserta yang bertanding kerana setiap daripada mereka memiliki kelebihan dan kepakaran tersendiri.

Sebenarnya seperti yang saya sebut dalam Sofa Mualim Muda, kesemua 10 peserta Mualim Muda ini semuanya berbakat dan hebat. Masing-masing ada kelebihan tersendiri.

"Ada yang pakar dalam hukum syarak, ada yang arif tentang undang-undang mahkamah, ada yang berlatarbelakangkan peguam, dan ada yang sangat kuat dari sudut dalil. Kami saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain," ujarinya.

Sekadar info, hasil kemenangan tersebut Anas berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM30,000 berserta trofi.

Bukan itu sahaja, Anas turut membawa pulang hadiah pakej Umrah, kontrak duta Apcel Cafe bernilai RM50,000, Kontrak Pengurusan Rocketfuel Entertainment serta dilantik sebagai duta Astro Oasis.

Tempat kedua disandang oleh Amar manakala tempat ketiga menjadi milik Luqman.

Sementara itu, Asyraf memenangi tempat keempat.

Pemenang tempat kedua hingga keempat membawa pulang wang tunai RM5,000, pakej umrah dan trofi.



Tepati Ramalan, Soraya Borhan Dinobatkan Sebagai Juara Penyampai Emas SINAR 2026

Juara penyampai emas SINAR 2026, Soraya Borhan meluahkan rasa teruja selepas dia berjaya memenangi pertandingan tersebut meskipun dia tidak meletakkan sebarang harapan tinggi.

"Saya gembira sebab bagi saya semua orang ada kelebihan masing-masing. Saya menganggap pertandingan ini seperti saya sedang melakukan 'on air' dan hanya sekadar suka-suka," katanya.

Sementara itu, Karl Shafek yang meraih tempat kedua dalam program pencarian bakat penyiaran itu turut mengakui impiannya sejak dahulu adalah untuk bergelar penyampai radio.

"Ini adalah benda yang saya minat dan impian saya untuk menjadi penyampai radio. Saya tak jangkakan kemenangan ini, saya cuma beri apa yang terbaik. Saya ingatkan saya dapat tempat ketiga atau keempat selepas melihat kehebatan pesaing lain," ujarnya.

Program pencarian bakat penyiaran, Penyampai Emas SINAR 2026 merupakan sebuah program untuk mencari bakat baharu dalam dunia penyampai radio.

Program ini bertujuan mencungkil individu berbakat yang mempunyai suara, personaliti dan kreativiti untuk menjadi penyampai radio profesional, sambil memberi peluang sebenar kepada khalayak berusia 35 tahun ke atas untuk bersinar dalam kerjaya penyiaran.

Selain Soraya dan Karl, enam finalis terbaik yang berjaya ke peringkat akhir ialah Faqhez, Ady Kamal, Bobo dan Rai Rahim.



Pengarah: Jay Sukmo
Pelakon: Revalina S. Temat, Gunawan Sudrajat, Megan Domani, Annisa Kaila
Genre: Drama

Kehidupan Sarah musnah apabila suaminya, Satrio, ingin berkahwin semula, memaksanya memilih untuk bercerai dan berjuang sebagai ibu tunggal. Namun, apabila Satrio sakit, Sarah terpaksa menerima Satrio dan isteri baharunya, Annisa, untuk tinggal bersama di rumahnya. Keadaan ini menguji ketabahan dan keikhlasan Sarah dalam menghadapi konflik dalaman, rasa cemburu, serta proses memaafkan dan mencari kekuatan diri.

Pengarah: Dinna Jasanti
Pelakon: Arbani Yasiz, Mawar Eva De Jongh, Unique Priscilla, Kiki Narendra, Yasamin Jasem
Genre: Drama, Romance

Albi pada mulanya hanya mengagumi Shella dari jauh. Namun, seiring berjalannya waktu, hubungan mereka semakin berkembang. Albi juga sentiasa ada untuk Shella, terutamanya selepas didiagnosis menghidap kanser ovari. Cinta mereka diuji oleh penyakit yang semakin serius, namun Albi tidak pernah berputus asa. Walaupun dalam saat-saat yang paling sukar, dia tetap memilih untuk mengahwini Shella, membuktikan bahawa cinta sejati mampu bertahan menghadapi dugaan yang paling berat

Debaran Kian Terasa! GMWA2025 Bawa Format Baharu! Alpha, Amira Othman, Siti Nurhaliza & Aina Abdul Antara Selebriti Dominasi Pencalonan

Platform hiburan digital No.1, Astro Gempak sekali lagi tampil dengan anugerah berprestij, Gempak Most Wanted Awards 2025 (GMWA2025).

Memasuki edisi keempat, penganjuran GMWA2025 tampil dengan sedikit kelainan apabila memperkenalkan senarai Top 10 calon yang disenarai pendek daripada 12 kategori utama merangkumi Digital Creator Foodie Tergempak, Digital Creator Fashion & Beauty Tergempak, Digital Creator Entertainment Tergempak, Digital Creator Motivation & Education Tergempak, Selebriti Tergempak dan Program Digital Tergempak. Senarai Top 10 GMWA2025 telah pun diumumkan secara rasmi dan fasa undian dibuka kepada orang ramai bermula 15 Januari hingga 15 Februari 2026.



Lebih menarik, GMWA kali ini juga membawa format baharu iaitu 50 peratus undian peminat dan 50 peratus lagi undian daripada juri profesional.

Seiring dengan evolusi landskap digital dan citarasa penonton, GMWA2025 turut melakukan penjenamaan semula beberapa kategori antaranya Digital Creator Sports Tergempak dan Lagu ERA Tergempak.

Dalam masa sama, satu kategori baharu turut diperkenalkan iaitu Hos Program Digital Tergempak, sebagai pengiktirafan terhadap peranan hos digital yang semakin dominan dalam menarik audiens dan membentuk kandungan berkualiti di platform digital.

Untuk mengetahui senarai penuh Top 10 GMWA2025, layari www.gempakmostwantedawards.com dan undi calon kegemaran anda.

GMWA2025 yang akan berlangsung pada 15 Februari ini bakal menyaksikan paduan hebat Amelia Henderson dan Sean Lee selaku hos.





Astro Shaw Cinematic Universe Bermula! 'First Look' Tampil Karakter-Karakter Ikonik

Astro Shaw mencipta satu penanda aras baharu dalam industri hiburan Malaysia menerusi pelancaran rasmi Astro Shaw Cinematic Universe (ASCU), sebuah ekosistem sinematik jangka panjang yang saling berhubung, dirangka untuk mengangkat penceritaan Malaysia ke pentas serantau dan global.

ASCU dibangunkan dengan watak-watak yang membentuk budaya popular Malaysia, sekali gus menandakan satu fasa baharu penceritaan tempatan. Mengambil inspirasi daripada dunia sinematik global dan digabungkan dengan dunia serta watak yang dekat di hati penonton, ASCU dibangunkan untuk berkembang dari masa ke masa dan membolehkan setiap cerita berdiri sendiri, namun tetap menyumbang kepada sebuah mitologi yang lebih besar.

Lebih daripada sekadar sebuah treler konvensional, 'First Look' - Astro Shaw Cinematic Universe: The Beginning merupakan satu gambaran awal bagaimana dunia sinematik Astro Shaw bakal bermula. Dilancarkan di semua platform digital Astro Shaw, ia merupakan satu langkah strategik.

Astro Shaw Cinematic Universe: The Beginning yang berdurasi hampir empat minit ini menampilkan beberapa watak ikonik Astro Shaw, termasuk Inspektor Sani dan Inspektor Khai daripada francais Polis Evo, Kahar dari High Council serta bayangan ikon adiwira tempatan Keluang Man; sekali gus mengesahkan bahawa dunia yang selama ini terpisah, kini bersatu.

'First Look' ini tidak terikat dengan mana-mana filem atau siri premium sebelum ini. Sebaliknya, ia berfungsi sebagai permulaan kepada dunia ASCU dan menjawab persoalan bagaimana setiap cerita akan terus berkembang. Ini seterusnya menyumbang kepada sebuah mitologi yang lebih luas dan sentiasa berevolusi.

Diterajui Pengarah Kreatif dari Astro Shaw, Alfie Palermo, dan diarahkan oleh Sofyank bakat hebat dalam dunia kandungan digital dan VFX tempatan yang banyak bekerjasama untuk karya tempatan dan selebriti antarabangsa; bersama Mshaffuan, di samping sinematografi oleh Nicholas Chin, pemenang Anugerah Sinematografi Terbaik di FFM34.

Gabungan kepakaran mereka menghasilkan sebuah karya yang mencerminkan aspirasi bertaraf antarabangsa, ketelitian sinematik dan visual, sekali gus menetapkan penanda aras baharu kualiti kandungan buatan Malaysia.

Menurut Raja Jastina Raja Arshad, Ketua Astro Shaw: "Hari ini menandakan permulaan rasmi sebuah dunia ASCU mewakili satu anjakan asas dalam cara kami menyatukan penceritaan dan menghimpunkan watak-watak ikonik kami dalam sebuah dunia yang saling berhubung, serta memastikan setiap cerita mengekalkan identiti dan kekuatannya sendiri.

'First Look' ini menekankan pendekatan pembangunan jangka panjang, dengan fokus kepada pembinaan asas yang kukuh serta evolusi berperingkat yang digerakkan oleh matlamat yang jelas, ketelitian dan penghormatan terhadap legasi watak-watak ini.

ASCU ialah sebuah alam sinematik yang sedang berkembang, yang direka sebagai platform terbuka bagi menyokong kreator, idea dan watak-watak baharu, sekali gus membuka ruang kepada pencipta-pencipta kandungan di Malaysia untuk membina dunia yang lebih luas dan kisah yang berpanjangan."

Menerusi ASCU, Astro Shaw meletakkan asas kepada sebuah ekosistem kreatif jangka Panjang dan berbilang platform yang membolehkan pengarah dan pembikin filem meneroka naratif yang saling berkait, memberi peluang kepada bakat-bakat dan pelakon untuk membangunkan kepelbagaian watak merentasi pelbagai judul, memperkasakan penulis dan showrunner membina dunia cerita yang lebih luas, serta membuka peluang baharu kepada jenama dan rakan strategik untuk bekerjasama dalam penceritaan berskala besar.

ASCU mendapat sokongan WONDA Kopi selaku rakan strategik.

Astro Shaw Cinematic Universe: The Beginning kini ditayangkan di platform media sosial. Peminat boleh mengikuti perkembangan watak-watak dan fasa seterusnya dalam dunia sinematik Astro Shaw di semua akaun media sosial Astro Shaw.



Tony Eusoff Puas Hati Dengan Kualiti Bad Cop, Harap Ada Musim Kedua

Siri premium Astro Originals, iaitu Bad Cop, telah pun sampai ke penghujungnya.

Namun, yang lebih istimewa apabila para peminat berpeluang menonton tayangan episod akhir bersama para pelakon Bad Cop yang hadir di TGV, Pavilion Bukit Jalil, baru-baru ini.

Antara pelakon yang hadir adalah Tony Eusoff, Harvinth Skin dan pengarah, Jason Chong.

Rata-rata penonton meluahkan rasa puas hati dengan pengakhiran siri tersebut, selain gembira kerana dapat beramah mesra dengan para pelakon yang hadir.

Tony ketika ditemui, berkata Bad Cop merupakan antara karya terhebat Jason dan tidak ada sebarang penyesalan berlakon dalam naskhah tersebut.

"Saya sangat berpuas hati dengan kualiti siri ini, antara sebab utama saya terima tawaran Bad Cop adalah disebabkan pengarahnya, Jason Chong.

"Pengarah kesukaan saya, selain itu nakhahnya juga bagus. Pada saya kalau di tangan Jason, filem atau siri itu tidak akan rosak, pasti akan best.

"Bad Cop ni kalau kita tak buat musim kedua, memang macam satu dosa, harus ada musim seterusnya," katanya.

Siri terbitan Astro Shaw ini diterajui showrunner Kavivarmen Vigneswaran, dan diarahkan Jason Chong yang membawa sentuhan visual dan penceritaan premium yang menjadi identiti Astro Originals.

Selain Tony dan Harvinth, Bad Cop turut dibintangi Aiman Hakim, Siti Saleha, Razib Salimin, Whulandary Herman, Melissa Campbell dan Alvin Chong.

Bad Cop merupakan adaptasi daripada siri jenayah popular Jerman pada tahun 2017 dan siri asal ini turut mencapai kejayaan antarabangsa apabila diadaptasi produksi India pada tahun 2024.



Astro Angkat Tema 'Bersama Lagi Jadi', Ini Senarai Kandungan Kerohanian & Drama Terbaik Ramadan 2026

Astro, selaku peneraju industri hiburan di Malaysia tahun ini, teruja menyambut kehadiran Ramadan 1447 Hijrah dengan membawakan kandungan khas buat tontonan seisi keluarga, sekali gus menjanjikan pengalaman tontonan yang lebih menarik.


Di samping membawakan hiburan, Astro juga tidak melupakan pengisian kerohanian dalam memenuhi keperluan tontonan setiap lapisan umur menerusi pilihan kandungan di platform televisyen, radio, digital dan juga aktiviti lapangan sepanjang Ramadan ini.

Selain menawarkan seleksi kandungan yang segar dan terkini, kemeriahan kempen Ramadan dan Raya Astro untuk tahun 2026 turut membawakan barisan duta yang terdiri daripada selebriti terkenal seperti Zizan Razak, ALPHA, Sharifah Shahira dan juga Audra.

Naib Presiden, Melayu, Antarabangsa, Kanak-kanak & On Demand, Astro, Azlin Reza Azmi, berkata Astro mengangkat tema 'Bersama Lagi Jadi' bagi mencerminkan setiap detik Ramadan dan Raya akan lebih indah apabila ia diraikan bersama yang tersayang.

"Lebih istimewa, barisan kandungan yang ditawarkan Astro Ramadan kali ini meraikan semua peringkat usia, merapatkan hubungan sesama insan tersayang dengan bersama menonton kandungan-kandungan yang ditawarkan, seperti beribadah dengan kandungan berunsur kerohanian, merehatkan diri dengan barisan drama terkini, dan juga menonton kandungan variasi seisi keluarga," ujarnya.





Mdno

@dodosentoso

Buang Stigma HIV, Penghidap Boleh Hidup Normal Jika Patuh Rawatan

Virus Kurang Imun Manusia atau HIV sering menimbulkan salah faham dan stigma dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Menurut pencipta kandungan kesihatan, Muhammad Noor Zakaria atau lebih mesra disapa Mdno, ketakutan melampau masyarakat terhadap HIV kebanyakannya berpunca daripada kekurangan pengetahuan yang tepat mengenai virus berkenaan.

"Bila sebut pasal HIV, ramai terus takut. Duduk sebelah pun tak nak, kongsi makan tak nak, salam pun tak nak. Jadi hari ini kita nak betulkan fakta dan ubah stigma masyarakat tentang HIV," katanya.

Menerusi satu perkongsian bersama Gempak, Mdno menjelaskan bahawa HIV merupakan virus yang menyerang sistem imun manusia, khususnya sel imun yang dikenali sebagai CD4. CD4 berfungsi sebagai 'ketua operasi' sistem pertahanan badan, iaitu sel yang membantu mengesan ancaman seperti virus dan bakteria serta mengaktifkan sel imun lain untuk melawan jangkitan.

Apabila jumlah CD4 menurun ke tahap yang sangat rendah, tubuh badan akan kehilangan keupayaan untuk melawan jangkitan dengan baik. Keadaan inilah yang dikenali sebagai AIDS, iaitu tahap akhir jangkitan HIV jika tidak dirawat.

Dalam pada itu, Mdno turut menegaskan bahawa HIV tidak mudah berjangkit seperti yang sering disalah anggap oleh masyarakat.

Antara cara utama penularan HIV ialah:

- Hubungan seksual tanpa perlindungan (tanpa kondom) dengan individu HIV positif
- Perkongsian jarum suntikan atau alatan yang melibatkan darah
- Pemindahan darah yang tercemar (contohnya transfusi darah tidak disaring)
- Cecair badan tertentu seperti air mani, cecair faraj, cecair rektum dan susu ibu
- Jangkitan daripada ibu kepada bayi semasa kehamilan, kelahiran atau penyusuan jika ibu tidak menerima rawatan

Sebaliknya, HIV tidak berjangkit melalui:

- Bersalaman
- Berpelukan
- Berkongsi makanan atau peralatan makan
- Duduk bersebelahan
- Berkongsi tandas


Menjawab persoalan sama ada penghidap HIV boleh menjalani kehidupan seperti biasa, Mdno menjelaskan bahawa walaupun HIV masih tiada penawar, rawatan moden hari ini sangat berkesan dalam mengawal virus tersebut.

Dengan pengambilan ubat antiretroviral secara konsisten seumur hidup, virus boleh ditekan sehingga mencapai tahap Undetectable Viral Load (UVL), iaitu keadaan di mana jumlah virus terlalu rendah untuk dikesan dan tidak lagi boleh menjangkiti orang lain.


"Orang yang capai UVL boleh hidup normal, boleh bekerja, berkahwin, dan menjalani kehidupan seperti orang lain asalkan mereka patuh makan ubat," ujarnya.

Mengakhiri perkongsian, Mdno mengajak masyarakat untuk berhenti menghukum serta menyingkirkan stigma terhadap individu yang hidup dengan HIV kerana mereka juga berhak menjalani kehidupan yang normal dan bermaruah.

Namun begitu, beliau turut mengingatkan orang ramai agar tidak memandang ringan isu HIV, sebaliknya mengambil langkah pencegahan, mendapatkan maklumat yang betul, dan menjalani ujian saringan jika berisiko.




Astro Shaw Cinematic Universe



Astro Shaw has officially taken its first concrete step into shared-universe storytelling with the release of Astro Shaw Cinematic Universe: The Beginning, a near four-minute first look that offers the clearest vision yet of how its ambitious long-term plan will unfold.

The ASCU first look is spearheaded by Astro Shaw Creative Director Alfie Palermo and co-directed by Sofyank and Mshaffuan, a collaboration that reflects the studio's emphasis on scale and craft.

Elevating the project further is Director of Photography Nicholas Chin, who won Best Cinematography at the 34th Malaysian Film Festival. Social media reactions following the release were overwhelmingly positive, with many viewers praising its production quality and ambition.




M'sian Shares Heartwarming First Call Experience on 'Be My Eyes' App That Helps the Visually Impaired

One Malaysian woman recently recalled her experience volunteering with Be My Eyes, an app that helps blind and visually impaired people manage everyday situations. In a post on Threads, the woman shared that she had received her very first call through the app. The call connected her to an individual who needed help ensuring his pet fish was fed the correct food pellets.

The post quickly garnered the attention of other social media users who were curious about the app. True to its name, the Be My Eyes app connects blind and visually impaired individuals with volunteers who can be their eyes when managing everyday tasks, such as reading expiry dates or identifying objects.

As a result, the app was launched in 2015, and within 24 hours, 10,000 volunteers had signed up. Today, the app has millions of volunteers supporting users in more than 180 languages.



Your Furry Friend Needs a Passport Too!

Aside from proudly calling your beloved pet a certified Malaysian, registering your furry friend for a passport comes with several other benefits.

For owners, having a pet passport significantly improves a pet's traceability, as microchipping is a mandatory requirement for registration.

In short, if your pet goes missing, anyone who finds them can scan the microchip and retrieve their identity within seconds. The microchip also allows you, as the owner, to confirm and prove that the pet belongs to you.

Additionally, a pet passport makes your pet's information more accessible to relevant authorities. For example, if you plan to travel with your furry friend, immigration officers can easily refer to the passport for all necessary records.

In fact, several countries such as Iceland, Norway, Germany, Spain, and Sweden require pets to have a passport if you plan to travel there.